

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Isnin, 28 Julai 2025



## KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,  
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya  
No. Telefon : 03 - 8090 4681

### INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI, MALAYSIA, JUN 2025

**Indeks Nilai Seunit Eksport mencatatkan pertumbuhan dengan kenaikan 2.1 peratus pada Jun 2025, disumbangkan terutamanya oleh Makanan, Pelbagai Barang Keluaran Kilang dan Alat Jentera & Kelengkapan Pengangkutan.**

**PUTRAJAYA, 28 JULAI 2025** – Indeks nilai seunit eksport Malaysia pada Jun 2025 mencatatkan kenaikan 2.1 peratus daripada 148.0 mata pada bulan sebelumnya kepada 151.2 mata. Manakala, indeks nilai seunit import mencatatkan kejatuhan 0.4 peratus daripada 124.8 mata kepada 124.4 mata. Terma Perdagangan Malaysia pula bertambah 2.5 peratus bulan ke bulan kepada 121.5 mata pada Jun 2025, sebagaimana dipaparkan oleh laporan **INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI (2010=100), JUN 2025** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik indeks nilai seunit, indeks volum dan terma perdagangan meliputi 10 seksyen komoditi produk barangan selaras dengan Klasifikasi Standard Perdagangan Antarabangsa (SITC).

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan indeks nilai seunit eksport naik 2.1 peratus pada Jun 2025 berbanding bulan sebelumnya, disumbangkan oleh kenaikan indeks pelbagai barang keluaran kilang (+0.8%), makanan (+0.3%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (+0.2%). Namun begitu, indeks volum eksport menyusut 5.9 peratus selaras dengan penurunan indeks barang-barang keluaran kilang (-19.3%), bahan kimia (-10.3%) dan pelbagai barang keluaran kilang (-5.4%). Indeks volum

eksport pelarasan bermusim juga turut susut 12.0 peratus daripada 166.1 mata kepada 146.1 mata. Merujuk kepada perbandingan tahunan, kedua-dua indeks nilai seunit dan indeks volum eksport jatuh 0.005 peratus dan 3.5 peratus.

Indeks nilai seunit import menurun 0.4 peratus pada Jun 2025, disumbangkan oleh penyusutan indeks minyak galian (-1.1%), bahan kimia (-0.5%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-0.2%). Tambahan pula, indeks volum import juga turut jatuh 9.8 peratus pada Jun 2025 berbanding bulan sebelum, disumbangkan oleh penurunan dalam indeks alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-16.4%), makanan (-13.1%) dan barang-barang keluaran kilang (-8.8%). Indeks volum import pelarasan bermusim menyusut 10.8 peratus daripada 232.8 mata kepada 207.8 mata. Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan indeks nilai seunit import berkurang 4.7 peratus manakala indeks volum menaik 11.8 peratus.

Terma perdagangan Malaysia melonjak 2.5 peratus bulan ke bulan kepada 121.5 mata pada Jun 2025, didorong oleh kenaikan indeks pelbagai barang keluaran kilang (+0.8%), alat jentera & kelengkapan pengangkutan (+0.4%) dan makanan (+0.3%). Tambahan pula, terma perdagangan Malaysia tahun ke tahun turut bertambah 4.5 peratus daripada 116.3 mata pada Jun tahun lalu.


Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 198 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan'. Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality*

Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.



**Carta 1: Peratus Perubahan Bulan ke Bulan bagi Indeks Nilai Seunit Eksport & Import  
Januari 2023 – Jun 2025**

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA**

**JABATAN PERANGKAWAN MALAYSIA**

**28 JULAI 2025**